

Hentikan sekatan ekonomi terhadap Iraq

BH - 2 APR 2000

KUALA LUMPUR: Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Alime-nyeru kerajaan dan masyarakat dunia mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya segera menarik balik sekatan ekonomi yang dikenakan terhadap Iraq.

Isteri Perdana Menteri membuat gesaan itu sekembalinya daripada mengetuai lawatan limahari ke Iraq, semalam.

Beliau berkata, hasil lawatannya ke negara Teluk itu mendapati keadaan rakyat Iraq semakin daif, terutama kekurangan makanan dan perubatan.

"Atas nama kemanusiaan, saya menyeru sekatan ekonomi secara komprehensif itu ditarik balik seberapa segera," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara yang menyambut kepulangan Dr Siti Hasmah, yang mengetuai rombongan 10 anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) negara ini mewakili pelbagai

bidang pengkhususan.

Sambil menyifatkan lawatan itu amat berjaya, Dr Siti Hasmah berkata mereka menyaksikan sendiri kesan penderitaan rakyat Iraq ekoran sekatan ekonomi PBB.

"Selama ini kita hanya mendengar atau membaca daripada laporan media. Sepanjang empat hari di sana, kami lihat begitu banyak penderitaan, khususnya wanita, kanak-kanak dan orang tua yang hidup tanpa makanan berzat, air minuman tidak selamat serta terdedah kepada penyakit berisiko tinggi," katanya.

Dr Siti Hasmah yang juga Yang Dipertua Bakti berkata, sepanjang lawatan itu mereka melawat hospital, sekolah, rumah anak yatim dan orang tua serta sebuah tempat perlindungan serangan born, dikenali Al-Amiriah.

Beliau yang sempat menemui Presiden Saddam Hussein berkata, lawatan itu juga bertujuan menjalin hubungan antara rakyat kedua-dua negara dalam

usaha menarik balik sekatan ekonomi ke atas negara itu.

Peserta rombongan juga sempat mengadakan perjumpaan dengan persekutuan wanita Iraq dan memahami masalah semasa yang dihadapi mereka.

Menurut Dr Siti Hasmah, apa yang membimbangkan sekarang ialah peningkatan kematian kanak-kanak kerana cirit-birit dan penyakit yang berpunca daripada bahan radio aktif.

"Misalnya, di sebuah hospital yang dilawati tidak ada peralatan terbaik. Untuk melakukan pembedahan, mereka terpaksa gunakan benang jahitan yang kurang sesuai, manakala ubat antibiotik tidak cukup. Malah, mereka tidak pernah tahu ada antibiotik baru.

"Bayi pula terpaksa berkongsi tempat tidur, inkubator dan menyedut oksigen bergilir-gilir, tiap-tiap setengah jam seorang.

"Kami rasa sangat malang kerana perkara ini berlaku di sebuah negara yang dulunya mempunyai taraf hidup yang sangat tinggi," katanya.